

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	15 JANUARY 2017



Syed Saddiq menyerahkan borang keahlian ahli Bersatu kepada Mahathir.

1,500 anak muda sertai Bersatu

SEMPENA pelancaran rasmi Bersatu semalam, seramai 1,500 anak muda menyerahkan borang permohonan menyertai parti yang dipimpin oleh Tun Dr Mahathir Mohamad itu.

Simbolik penyerahan borang keahlian itu diserahkan Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman kepada Pengerusi Bersatu, Mahathir di atas pentas di pekarangan Stadium Malawati, petang semalam.

Menurut Syed Saddiq, sambutan dalam kalangan anak muda bagi menyertai Bersatu amat di luar jangkaan.

Katanya, keahlian anak muda yang diterima bukan sahaja di bandar, malah yang berada di luar bandar.

"Alhamdulillah, kita menerima pe-

nyertaan daripada semua lapisan anak muda dan kita jangkakan lebih ramai akan bersama Bersatu sempena majlis pelancaran ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum itu, ketibaan Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pada jam 4 petang mendapat sambutan meriah ahli Bersatu yang hadir seawal jam 1 tengah hari lagi.

Sejurus majlis sambutan, Mahathir dan isteri melawat gerai pameran yang menjual pelbagai barangan dan cenderamata.

Peluang itu berkenaan digunakan sepenuhnya oleh orang ramai untuk bergambar.

Setelah itu, Mahathir menyertai majlis tahlil bekas perdana menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Jangan tunggu lama-lama

*Sinar Harian
- 15/1/2017*

SHAH ALAM- Parti pembangkang digesa agar tidak menunggu lama untuk membentuk gabungan politik bagi memenangi PRU14.

Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, selain faktor masa yang semakin suntuk sebelum PRU14, pembangkang juga perlu mendapatkan keyakinan rakyat.

"Jangan tunggu lama-lama untuk membentuk kerjasama. Kita mesti serius! Mesti ada *sense of urgency* kerana masa tak menyebelahi kita.

"Rakyat nak lihat kesatuan kita, barulah terbit rasa yakin di hati me-



MUHYIDDIN

reka bahawa kita boleh bentuk sebuah kerajaan yang lebih baik," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Bersatu, di sini, malam tadi.

Menurutnya, gabungan politik disertai semua parti pembangkang boleh dinamakan sebagai Barisan Rakyat untuk menentang BN.

"Saya sekali lagi ingin mengulangi sikap Bersatu yang terbuka untuk bentuk kerjasama dengan semua pembangkang bagi menghadapi PRU14. Kita telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Pakatan Harapan yang dianggap sebagai satu perkembangan positif untuk membentuk gabung-

an politik yang mampu untuk menumbangkan BN pada PRU14.

"Insyaa-ALLAH, dengan izin ALLAH SWT, kita juga sedang berunding dengan parti di luar Pakatan Harapan untuk membentuk satu gabungan politik yang mantap dengan matlamat untuk memenangi PRU14 dan membentuk kerajaan," katanya.

Katanya, adalah penting bagi semua parti pembangkang membentuk satu gabungan politik sebelum PRU14 dan bertanding satu lawan satu menentang BN.

Menurutnya, rakyat telah bersedia untuk menukar kerajaan namun mereka mahu melihat parti pembangkang bersatu terlebih dahulu.

"Jangan berpecah. Jangan lawan tiga penjuru. Nanti rakyat tak sokong kita," katanya.

Kelainan sempena pelancaran



Tiga pemimpin tertinggi Bersatu 'berdiri' menyambut kehadiran tetamu.

PELBAGAI kelainan dibawa parti Bersatu sempena majlis pelancaran rasmi parti itu di Stadium Malawati di sini, semalam.

Antaranya, menempatkan replika tiga pemimpin uta-

ma parti itu iaitu Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad; Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di pekarangan stadium itu bagi menyambut tetamu.